

Contohi keperibadian Dr. Ismail selamatkan negara

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Rakyat negara ini mencontohi semangat negarawan, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman dalam menyelamatkan negara dan mengambil sikap keperibadiannya sebagai contoh.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tidak ada mana-mana pihak boleh menyangkal bahawa Tun Dr. Ismail sebagai seorang pejuang bangsa, nasionalis tulen dan juga merupakan seorang pejuang kebangsaan.

Kata beliau, bekas Timbalan Perdana Menteri tersebut sering menekankan bahawa negara perlu diselamatkan dengan satu sikap yang terbuka untuk menerima semua warganegara dalam satu semangat kekeluargaan tulen.

“Mengenang jasa tokoh silam bukan berbicarakan ‘debu-debunya’, bukan untuk nostalgia tapi menghidupkan idealisme, mesej dan suara keramat mereka bagaimana mahu meletakkan asas serta menyelamatkan negara dan bangsa.

“Bagi saya di antara hal yang

sangat relevan dalam bicarakan kita di bulan kebangsaan sebelum menyambut Hari Kemerdekaan Malaysia pada 31 Ogos dan Hari Malaysia pada 16 September ialah menghidupkan suara keramat, idealisme dan prinsip yang tegas dibawa oleh pemimpin-pemimpin ulung kita.

“Termasuk semangat perpaduan hidup, cara damai sebagai satu keluarga besar negara,” katanya semasa berucap di Majlis Memperingati Negerawan Tun Dr. Ismail di Dataran Merdeka, di sini semalam.

Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) berkata, keperibadian Dr. Ismail perlu dihidupkan dalam budaya politik negara iaitu tegas, menolak sebarang bentuk rasuah dan tidak menyalahgunakan kuasa.

“Negara ini mampu selamat sekiranya pimpinan mempunyai integriti, tolak rasuah, tolak kezaliman dan tegas melaksanakan undang-undang (untuk) menyelamatkan negara serta bangsa,” katanya.

Menurut Anwar, semangat tokoh tersebut perlu disemai dalam diri anak-anak muda demi menyelamatkan negara

dan bangsa daripada perkara-perkara yang salah.

“Aspek lain yang harus kita pelajari ialah soal integriti dalam politik, bagaimana mampu kita lahirkan di generasi sekarang ini orang yang tumpuannya itu semata-mata untuk menyelamatkan negara serta bangsa.

“Bagaimana kita lahirkan generasi termasuk anak-anak muda yang terpahat dengan prinsip sama iaitu sama-sama membangun, menolak kekejaman sosial, rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

“Mari kita berdoa pada Allah, mudah-mudahan semangat itu tepancar dan dihadap oleh anak-anak muda terutamanya. Bahawa kita punyai tugas dan tanggungjawab menyelamatkan negara,” kata beliau.

Dalam majlis berasingan, Perdana Menteri meminta komponen Barisan Nasional (BN) untuk meletakkan kepercayaan terhadapnya dalam menyelesaikan isu ketiadaan wakil MIC dalam kerajaan selepas berbin-cang dengan pihak berkepentingan.

Anwar berkata, buat masa ini beliau mengharapkan semua

pihak untuk tidak bercakap soal jawatan sebaliknya mahu memfokuskan menoktahkan kemiskinan tegar dalam masa setahun yang menyelubungi kehidupan rakyat Malaysia termasuk di kalangan masyarakat India.

“Saya sangat bersemangat untuk menyelesaikan masalah ini. Berdekad saya memperjuangkan isu kemiskinan. Sekarang saya sudah jadi Perdana Menteri, ia harus diterjemahkan,” katanya ketika berucap dalam Perjumpaan Khas Perdana Menteri Bersama MIC, di sini.

Pertemuan yang dihadiri kira-kira 500 pemimpin dan ahli MIC seluruh negara itu turut disertai oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Presiden MIC, Tan Sri SA Vigneswaran dan Timbalan Presiden MIC, Datuk Seri S. Saravanan.

Terdahulu, Vigneswaran meluahkan rasa tidak puas hati kepada Anwar selepas merasakan partinya ‘dianatirikan’ oleh Kerajaan Perpaduan sejak lebih lapan bulan memerintah negara.